

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

BH – Bisnes – 06 Januari 2014 (C)

Tempoh singkat langgan IOI Properties

» Pemegang saham minoriti mahu masa langganan lebih panjang



**RITA BENOY
BUSHON**

Pemegang saham minoriti IOI Corp Bhd wajar merasa tidak puas hati susulan tempoh singkat yang diberikan untuk melangganan kelayakan mereka bagi saham IOI Properties Bhd yang akan disenaraikan tidak lama lagi.

Walaupun tempoh itu mengikut Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia apabila syarikat mengumumkan tarikh penutupan buku taruhan jualan terhad pada 19 Disember 2013 iaitu sekurang-kurangnya 11 hari pasaran sebelum tarikh permohonan, namun begitu prospektus hanya dieluarkan pada 26 Disember 2013.

“IOI sepertutnya memberikan tempoh masa yang lebih panjang bagi pemegang saham minoriti untuk melangganan saham”

Cuma lima hari bekerja

Tarikh itu adalah cuma lima hari bekerja sebelum 2 Januari 2014, jika cuti umum dan cuti hujung minggu tidak diambil kira.

IOI sepertutnya sedar dengan melakukan proses ini pada hujung tahun yang lazimnya adalah tempoh cuti penghantaran secara pos juga mungkin mengalami kelewatan.

Ini juga bermakna ramai pemegang saham mungkin tidak menerima dokumen berita kaitan melalui pos tepat pada

masanya, justeru aduan mereka adalah berbasas.

IOI sepertutnya memberikan tempoh masa yang lebih panjang bagi pemegang saham minoriti untuk melangganan saham berdasarkan kelayakan masing-masing.

Kami memandang serius hal ini dengan mengambil kira bahawa IOI Properties sudah menerima kritikan berikutan penyahsenaraianya pada 2009, yang mana syarikat itu telah dijadikan syarikat persendirian pada kedudukan 0.66 kali ketara bersih (NTA) yang dinilaikan sebanyak RM1.3 bilion.


Kami berharap IOI Corp akan melanjutkan lagi tarikh tutup permohonan saham (IOI Corp sudah pun memberikan lanjutan selama empat hari sehingga 6 Januari 2014) dan menunjukkan keprihatinan mereka terhadap pemegang saham minoriti, yang dijangka akan merebut peluang yang ditawarkan ini.

Diskaun 30 peratus

Ini disebabkan setiap saham IOI Properties pada harga RM1.76 sesaham di bawah tawaran jualan terhad ini adalah pada diskau sebanyak 30 peratus kepada harga rujukan sebanyak RM2.51 sesaham.

Selain itu, ia juga adalah diskau 42.7 peratus kepada proforma aset bersih sesaham IOI Properties sebanyak RM3.07.

Jika tempoh tidak dilanjutkan, ia mungkin mewujudkan tafsiran negatif oleh orang awam bahawa tawaran yang tidak diambil oleh pemegang saham yang layak, atas sebab di luar kawalan mereka, akan diberikan kepada pemegang saham yang lain menurut buku bicara Lembaga Pengarah, pada harga diskau.



Penulis
ialah Ketua Eksekutif
Badan Pengawas
Pemegang Saham Minoriti
Bhd (MSWG)